Safae Ing lwn Pendakwa Raya

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — RAYUAN JENAYAH NO 42–06 TAHUN 2003
AHMAD MAAROP H
11 AUGUST 2005

Acara Jenayah — Hukuman — Rayuan terhadap hukuman — Dua kesalahan merogol pada tarikh-tarikh yang berbeza — Sama ada hukuman berturut-turut wajar dikenakan — Menghukum bapa yang merogol anak bawah umur — Sama ada kepentingan awam harus mengatasi pertimbangan 'crushing effect' hukuman terhadap bapa

Undang-Undang Jenayah — Kanun Keseksaan — s 376 — Kesalahan merogol — Mangsa rogol merupakan anak kandung bawah umur tertuduh — Hukuman yang setimpal — Sama ada kesalahan merogol anak bawah umur merupakan contoh kesalahan rogol yang paling buruk di bawah s 376 Kanun Keseksaan

Perayu telah dituduh di mahkamah sesyen dengan dua pertuduhan bagi kesalahan rogol yang boleh dihukum di bawah s 376 Kanun Keseksaan. Mangsa rogol itu merupakan anak kandung perayu sendiri yang di bawah umur. Mahkamah mendapati perayu gagal untuk menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwa. Perayu telah didapati bersalah dan disabitkan atas kedua-dua kesalahan rogol itu. Mahkamah sesyen seterusnya menjatuhkan hukuman penjara 20 tahun dan hukuman sebat lapan kali bagi setiap tuduhan terhadap perayu. Mahkamah juga telah memerintahkan supaya hukuman-hukuman bagi kedua-dua pertuduhan tersebut berjalan berturut-turut (consecutively). Perayu telah mengemukakan rayuan ke Mahkamah Tinggi terhadap hukuman yang telah dijatuhkan itu. Perayu merayu supaya hukuman penjara terhadapnya dikurangkan dan diperintahkan berjalan serentak. Perayu juga memohon hukuman rotan yang diperintahkan mahkamah sesyen itu dikurangkan.

Diputuskan, menolak rayuan perayu:

(1) Adalah jelas bahawa faktor perayu tidak mempunyai kesalahan lampau telah dipertimbangkan hakim mahkamah sesyen. Namun demikian ada terdapat faktor-faktor lain yang mengatasi dan menuntut hukuman yang berat dikenakan. Faktor-faktor yang lain mempengaruhi hukuman yang telah dijatuhkan, ialah seriusnya kesalahan yang telah dilakukan; faktor kepentingan awam serta tuntutan masyarakat. Hakim mahkamah sesyen itu tidak tersilap dalam pertimbangannya (lihat perenggan 20).

(2) Dalam kes ini kesalahan-kesalahan rogol itu menjadi lebih serius dan keji lagi kerana dilakukan oleh perayu ke atas anaknya sendiri yang sangat muda umurnya. Perayu, yang telah diamanahkan untuk membesarkan dan mendidik anaknya dengan penuh kasih sayang serta menjadi pelindung kepada anaknya, telah mencabuli dan memecahkan amanah tersebut. Perayu yang sepatutnya menjadi pelindung kepada anaknya, sebaliknya telah menjadi pemangsa (predator) kepada anaknya sendiri. Keterangan anaknya membuktikan bahawa perayu tanpa belas kasihan dan tanpa segan silu telah memaksa dirinya ke atas anaknya, merogolnya lantas mencabuli serta menghancurkan mahkota kewanitaan anaknya itu (lihat perenggan 20).

(3) Kesalahan-kesalahan rogol yang dilakukan oleh perayu adalah dua kesalahan rogol yang berasingan. Walaupun kedua-dua kesalahan tersebut, dilakukan di tempat yang sama ke atas mangsa yang sama, kesalahan-kesalahan itu telah dilakukan pada tarikh-tarikh yang berbeza. Adalah jelas bahawa kesalahan kedua dilakukan setahun lebih selepas kesalahan pertama dilakukan. Hukuman yang dijatuhkan mestilah hukuman yang benar-benar dapat menunjukkan bahawa kedua-dua kesalahan yang telah dilakukan oleh perayu adalah dua kesalahan yang berasingan. Hanya hukuman secara berturut-turut sahaja yang dapat mencapai hasrat ini (lihat perenggan 27).

(4) Kanun Keseksaan dan Kanun Acara Jenayah tidak memberikan apa-apa penjelasan tentang perbuatan bagaimana boleh termasuk dalam kategori kesalahan yang paling buruk bagi sesuatu jenis kesalahan itu. Seksyen 376 Kanun Keseksaan hanya menetapkan hukuman penjara minima yang mandatori (lima tahun) dan hukuman maksima 20 tahun. Soal sama ada sesuatu perbuatan rogol itu adalah satu contoh kesalahan rogol yang paling buruk boleh dilakukan di bawah s 376 Kanun Keseksaan bergantung kepada fakta-fakta dan keadaan sesuatu kes itu. Perbuatan perayu merogol anaknya seperti dalam kedua-dua pertuduhan terhadapnya dalam kes ini termasuk dalam golongan kesalahan rogol yang paling buruk di bawah s 376 Kanun Keseksaan (lihat perenggan 29).

(5) Setelah memberikan pertimbangan yang saksama dalam kes Mahkamah Tinggi berpuashati bahawa pertimbangan tentang betapa serius dan kejinya kesalahan-kesalahan yang telah dilakukan oleh perayu dalam kes ini, serta kepentingan awam hendaklah mengatasi pertimbangan tentang 'crushing effect' hukuman-hukuman tersebut terhadap perayu (lihat perenggan 31).

(6) Tidak ada sebab kenapa hukuman maksima tidak patut dikenakan bagi kesalahan rogol jika fakta-fakta dan keadaan bagi kesalahan ini menuntut hukuman sedemikian dijatuhkan. Di dalam kes ini, berdasarkan kepada alasan-alasan dan pertimbangan yang telah dihuraikan, keadilan menuntut perayu dikenakan hukuman-hukuman yang telah dikenakan oleh mahkamah sesyen itu (lihat perenggan 35).

[English summary

The appellant was charged in the sessions court on two charges for the offence of rape punishable under s 376 of the Penal Code. The rape victim was the appellant's child under aged child. The court found that the appellant had failed to raise a reasonable

doubt against the prosecution's case. The appellant was found guilty and convicted on both the rape offences. The sessions court sentenced him to 20 years of imprisonment and eight strokes of rotan for each offence. The court also ordered that the sentences for both offences to run consecutively. The appellant appealed to the High Court against the sentences. The appellant appealed that the imprisonment sentence against him be reduced and to be orderd to run concurrently. The appellant also prayed that the rotan sentence ordered by the sessions court be reduced.

Held, dismissing the appellant's appeal:

(1) It was clear that the fact the appellant had no previous offence record had been considered by the sessions court judge. However there were other factors that override and warranted that a heavier sentience be imposed. The other factors that determined the sentence imposed, was the gravity of the offence committed; the public interest factor and the public demand. The sessions court judge had not erred in his consideration (see para 20).

(2) In this case, the offences of rape was made more serious and cruel because it was committed by the appellant towards his very young child. The appellant, who was entrusted to care and raise his child with love and affection and be the protector to his child, had molested and broken that trust. The appellant should have protected his child, and not be the predator to his own child. His child's statement proved that the appellant without sympathy and shame had forced himself on his child, raped her thus molested and destroyed her chastity (see para 20).

(3) The rape offences committed by the appellant were two distinct rape offences. Even though the two offences, committed at the same place towards the same victim, the offences were committed on different dates. It was clear that the second offence was committed more than a year after the first offence was committed. The sentence to be imposed should be a sentence that truly reflected the two offences committed by the appellant.as two distinct offences. Only a consecutive sentence should serve this purpose (see para 27).

(4) The Penal Code and the Criminal Procedure Code does not provide any explanation of the kinds of acts that could be included in the worst category of offences for that kind of offence. Section 376 of the Penal Code only stipulates the minimum mandatory imprisonment sentence (five years) and the maximum sentence as 20 years. The issue as to whether the act of raping as an example of the worst rape offence that can be committed under s 376 of the Penal Code depends on the facts and circumstances of a case. The appellant's act of raping his child as in both the charges against him in this case should be categorised as the worst rape offence under s 376 of the Penal Code (see para 29).

(5) After full consideration of the case, the High Court is satisfied that the consideration as to the gravity and cruelness of the offence committed by the appellant in this case, and the public interest should override the crushing effect of the sentences against the appellant (see para 31).

(6) There was no reason why a maximum sentence should not be imposed for the rape offence if the facts and circumstances of this offence warranted such a sentence. In this case, based on the grounds and considerations stated, justice warranted that the appellant be punished with the sentence imposed by the sessions court (see para 35).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai rayuan terhadap hukuman, lihat 5(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2004 Reissue) perenggan 3102–3131.

Untuk kes-kes mengenai s 376 Kanun Keseksaan, lihat 5(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2003 Reissue) perenggan 1591–1613.

Kes-kes yang dirujuk

Abu Bakar bin Alif v R [1953] MLJ 9 (dirujuk)
Bachik bin Abdul Rahman v PP [2004] 2 MLJ 534 (dirujuk)
Bhandulananda Jayatilake v PP [1982] 1 MLJ 83 (dirujuk)
Loh Hock Seng & Anor v PP [1980] 2 MLJ 13 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Kanun Acara Jenayah s 39B(2)
Kanun Keseksaan s 376

Perayu hadir sendiri.
Ooi Chooi Gaik (Timbalan Pendakwa Raya) bagi pihak pendakwa.

Ahmad Maarop H:

[1] Perayu telah dituduh di Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu dengan dua pertuduhan bagi kesalahan rogol yang boleh dihukum di bawah s 376 Kanun Keseksaan seperti berikut:

Pertuduhan Pindaan

Bahawa kamu pada 25 Mei 2000, jam lebih kurang 2 pagi di rumah nombor 10 Peringkat 4 FELDA Jerangau Barat Ajil, di dalam Daerah Hulu Terengganu, dalam Negeri Terengganu Darul Iman telah merogol Rahimah bt Shafie nombor kad pengenalan 851019–11–5218 berusia 14 tahun 7 bulan 6 hari. Oleh itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah s 376 Kanun Keseksaan.

Pertuduhan Pindaan Kedua

Bahawa kamu pada 27 Ogos 2001, jam lebih kurang 3 petang di rumah nombor 10 Peringkat 4 FELDA Jerangau Barat Ajil, di dalam Daerah Hulu Terengganu, dalam Negeri Terengganu Darul Iman telah merogol Rahimah bt Shafie nombor kad pengenalan 851019–11–5218 berusia 15 tahun 10 bulan 8 hari. Oleh itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah s 376 Kanun Keseksaan.

[2] Perayu telah tidak mengaku salah dan perbicaraan telah dijalankan bagi kedua-dua pertuduhan tersebut. Perbicaraan bermula pada 20 Oktober 2002. Perayu telah membela dirinya sendiri. Pada 30 Mac 2003 di akhir kes pihak pendakwa, mahkamah sesyen telah memutuskan bahawa pihak pendakwa telah membuktikan kes prima facie terhadap perayu bagi kedua-dua pertuduhan terhadapnya. Perayu telah diperintahkan membela diri terhadap kedua-dua pertuduhan tersebut. Setelah tiga pilihan untuk membela diri diberikan kepadanya, perayu telah memilih untuk memberikan keterangan secara bersumpah. Pada 13 April 2003, di akhir kes pembelaan, mahkamah sesyen mendapati bahawa perayu telah gagal menimbulkan keraguan yang munasabah atas kes pihak pendakwa. Perayu telah didapati bersalah dan disabitkan atas kedua-dua kesalahan rogol seperti dalam kedua-dua pertuduhan terhadapnya. Setelah mendengar rayuan oleh perayu, mahkamah sesyen telah menjatuhkan hukuman penjara 20 tahun dan hukuman sebat lapan kali bagi setiap tuduhan terhadap perayu. Mahkamah tersebut juga telah memerintahkan supaya hukuman-hukuman bagi kedua-dua pertuduhan tersebut berjalan berturut-turut (consecutively). Perayu telah mengemukakan rayuan ke Mahkamah Tinggi terhadap hukuman yang telah dijatuhkan itu.

[3] Dua belas saksi telah memberikan keterangan bagi pihak pendakwaan di mahkamah sesyen. Mangsa kejadian ini adalah Rahimah bte Shafie (SP10) yang merupakan anak kandung perayu. Pegawai Jabatan Pendaftaran Negara, Wan Ali Wan Abdul Rahman (SP9) telah memberikan keterangan dan mengemukakan sijil kelahiran SP10 (eksh P6). Menurut keterangan SP9, SP10 telah dilahirkan pada 19 Oktober 1985. Ini bererti bahawa pada tarikh 25 Mei 2000, iaitu, tarikh kesalahan dalam pertuduhan pertama, SP10 berumur 14 tahun 7 bulan. Pada 27 Ogos 2001, iaitu, tarikh kesalahan dalam pertuduhan kedua, SP10 berumur 15 tahun 10 bulan.

[4] Intipati keterangan SP10 ialah bahawa dia bersekolah di Sekolah Menengah Kebangsaan Landas, Ajil, Terengganu, dari Tingkatan 1 hingga Tingkatan 4. Selepas itu dia telah berpindah ke Sekolah Menengah Kebangsaan Cheneh Baru, Kemaman. Menurut SP10, dia tinggal di rumah di Felda Jerangau 4, Ajil, Hulu Terengganu bersama ayahnya (perayu), ibunya dan tiga orang adik beradiknya yang lain.

[5] Menurut SP10, perayu telah merogolnya sejak dia berusia 14 tahun. Dia tidak ingat berapa kali, tetapi menurut SP10 kali terakhir perayu merogolnya ialah pada 27 Ogos 2001. Menurut SP10 dia tahu maksud rogol, iaitu, perayu masukkan zakarnya ke dalam kemaluannya (SP10). Memberikan keterangan tentang kejadian rogol yang berlaku pada 25 Mei 2000, SP10 menyatakan bahawa pada tarikh tersebut di antara jam 2 pagi hingga 3 pagi dia sedang tidur di bilik dapur di rumahnya. Semasa dia sedang tidur itu, perayu telah masuk ke bilik tersebut. Menurut SP10, perayu telah menghampirinya dan memberinya wang RM20. Perayu telah menyuruh SP10 diam kerana dia hendak melakukan hubungan seks dengan SP10. SP10 tidak mengambil wang tersebut. Perayu telah menampar pipi SP10 sekali. Pada masa itu SP10 tidur mengiring atas tilam. Perayu telah memaksa SP10 dan menelentangkan SP10. Menurut SP10, pada malam itu perayu telah merogolnya sebab perayu menggunakan bahagian hadapan kemaluannya.

Menurut SP10, perayu telah memasukkan zakarnya ke dalam kemaluannya (SP10). Menurut SP10, perayu telah 'tarik keluar tarik keluar zakarnya'. Menurut SP10 dia rasa ada air mani perayu keluar tetapi SP10 tidak tahu di mana perayu telah pancutkan. Ketika memberi keterangan tentang kejadian rogol pada 27 Ogos 2001, SP10 menyatakan bahawa pada hari tersebut dia berada di ruang tamu rumahnya. Pada petang itu ibu SP10 sedang tidur di dapur kerana keletihan. Menurut SP10, perayu telah datang kepadanya dan mengajak SP10 melakukan hubungan seks. Perayu menyatakan bahawa dia telah menolak. Menurut SP10, kemudian perayu telah mengangkatnya masuk ke bilik. SP10 juga menyatakan bahawa sebelum mengangkatnya, perayu berkata 'dia hendak (nok).' Pada fahaman SP10, ini bererti bahawa perayu hendak melakukan hubungan jenis dengannya, kerana dalam kejadian rogol sebelum 27 Ogos 2001, perayu juga telah berkata 'dia nok'. Menurut SP10, dia mengeluh 'tak emboh'; ertinya SP10 tidak mahu. Perayu lantas mengangkat SP10 masuk ke dalam bilik dan meletakkan SP10 atas katil dalam keadaan melentang.

[6] Menurut SP10 pada masa itu dia memakai T-Shirt dan seluar track panjang. SP10 berkata dia telah menolak dan menepis tangan perayu dan perayu telah memberi amaran kepada SP10 supaya diam.

Meneruskan keterangannya, SP10 berkata (ms 55 rekod rayuan):

> Dia buka seluar track saya — saya pakai seluar dalam. Seluar dalam pun dia buang juga. Dia kangkang kaki saya. Pada masa itu dia pakai kain pelekat — tak pakai baju. Semasa dia kangkang kaki saya, dia berada di atas badan saya. Saya tutup muka saya dengan bantal. Saya menelentang — ambil bantal tutup muka.
>
> — Saya tak mahu tengok dia melakukan kejadian rogol ini — kerana telah berapa kali kejadian rogol berlaku ke atas saya oleh ayah. Dia kangkang saya dengan tangan dia.
>
> — Saya rasa — dia naik atas badan saya — rasa zakar dia masuk ke dalam kemaluan saya.

[7] Menurut SP10 dia rasa zakar perayu masuk ke dalam kemaluannya pada 27 Ogos 2001:

> sama dengan zakar ayah yang masuk ke kemaluan saya sebelum itu. Zakar ayah masuk ke kemaluan saya secara masuk dan tarik. Zakar dia masuk penuh ke kemaluan saya. Saya boleh bezakan antara zakar dan jari. Saya boleh katakan — zakar yang masuk ke dalam kemaluan saya pada masa itu. Dia sorong tarik zakar dia dan pancut air mani di luar kemaluan saya — atas perut.
>
> (Muka surat 57 Rekod Rayuan)

[8] Dalam keterangannya SP10 juga menyatakan bahawa selain dari dengan perayu, dia tidak pernah melakukan hubungan seks dengan orang lain. Menurut SP10 apa yang berlaku kepadanya itu telah diberitahu olehnya kepada Ustaz Adnan (SP4) dan SP10 juga telah menunjukkan sekeping surat yang ditulis olehnya (eksh P4) kepada SP4.

[9] Keterangan SP10 disokong oleh keterangan SP4 dan SP5. SP4, Adnan bin Salleh adalah seorang guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Landas yang mengajar mata pelajaran pendidikan Islam. Selain itu beliau juga adalah Penasihat Badan Dakwah dan ahli jawatankuasa kaunseling sekolah tersebut. Menurut SP4, sekitar bulan Jun hingga Ogos, SP10 ada berjumpa dengannya dan menceritakan apa yang telah dilakukan oleh perayu terhadapnya. Menurut SP4, semasa menceritakan kepadanya apa yang telah berlaku, SP10 menangis kerana sangat sedih atas apa yang telah berlaku. Pada mulanya, SP4 tidak mengambil apa-apa tindakan sebab menurut SP4, baginya, apa yang diberitahu oleh SP10 itu adalah cerita lama. Tetapi pada 28 Ogos 2001 SP4 telah merujukkan kes SP10 itu kepada Pengetua sekolahnya iaitu Zahari Nik (SP5).

[10] SP5 mengesahkan keterangan SP4 itu dan menyatakan bahawa SP10 telah juga menceritakan semula kepada beliau apa yang telah dilakukan oleh bapanya. Seterusnya, SP5 telah memaklumkan perkara ini kepada Pengerusi PIBG Sekolah Menengah Kebangsaan Landas (SP6). SP6 telah memaklumkan perkara ini kepada Pemangku Felda Jerangau Barat (SP7). SP7 telah memaklumkan hal ini kepada Pengurus Felda Jerangau Barat, Ali bin Abdullah (SP8) yang telah membuat laporan polis pada 30 Januari 2002, iaitu, Ajil Report 50/2001 (eksh P5).

[11] Keterangan SP10 tentang fakta rogol disokong oleh keterangan Dr Rosli Mohamad Nor (SP3) yang telah memeriksa SP10 pada 30 Januari 2002 dan mendapati bahawa terdapat kesan koyakan lama di sekeliling selaput dara di posisi jam 3, 6 dan 9. SP3 juga mendapati bahawa vagina SP10 longgar, berbanding biasa — yang kemungkinannya disebabkan terdapatnya kemasukan benda dalam vagina berulang kali. Keterangan SP10 juga disokong oleh keterangan Dr Mohd Zulkifli Mohd Kassim (SP1) doktor pakar yang telah memeriksa SP10 pada 30 Februari 2002. SP1 mengesahkan bahawa terdapat luka lama hymen berukuran 4mm di posisi jam pukul 12. SP1 juga mengesahkan bahawa 'there were also multiple minute ragged hymental tears around the hymental ring.' SP1 juga mendapati bahawa faraj SP10 longgar dan tidak tegang — boleh dimasukkan jari, yang adalah konsisten dengan seorang yang telah berkahwin atau pernah berlaku kemasukan beberapa kali ke dalam faraj. SP1 juga mengesahkan bahawa koyakan pada hymen dan selaput dara boleh disebabkan oleh zakar lelaki.

[12] Dalam keterangannya secara bersumpah, perayu menafikan dia telah merogol SP10 kerana dia tidur dengan ibu SP10 dan anak kecilnya. Perayu juga mendakwa bahawa pada tahun 2001 SP10 telah ditukarkan ke sekolah di Kemaman. Perayu juga mendakwa bahawa SP10 adalah seorang yang mendatangkan masalah dan tidak mahu mendengar cakap orang tua.

[13] Setelah menimbangkan kesemua keterangan dalam rekod rayuan dalam kes ini, saya berpuashati bahawa Hakim Mahkamah Sesyen telah membuat keputusan yang betul dalam mendapati perayu bersalah dan mensabitkannya atas kedua-dua kesalahan rogol seperti dalam pertuduhan terhadapnya.

[14] Di dalam petisyen rayuannya (ms 7 rekod rayuan), bagi menyokong rayuannya terhadap hukuman, perayu mengemukakan rayuan berikut:

1. Saya memohon dan merayu Yang Arif supaya hukuman penjara ke atas saya ini dikurangkan dan berjalan serentak.
2. Saya memohon dan merayu Yang Arif supaya hukuman rotan ke atas saya dikurangkan.
3. Saya amat insaf dan sedar di atas kesilapan yang telah saya lakukan dan berjanji tidak akan mengulangi lagi.
4. Saya juga merayu Yang Arif supaya permohonan saya dipertimbangkan seadil-adilnya.

[15] Dalam rayuannya di hadapan saya dalam mahkamah perayu menyatakan:

> Saya boleh cakap dalam Bahasa Malaysia. Rayuan saya adalah terhadap hukuman sahaja. Pohon hukuman berjalan serentak. Pohon hukuman dikurangkan. Saya masih ada keluarga. Itu sahaja. Hukuman yang dikenakan terhadap saya adalah terlalu berat. Pohon hukuman rotan dikurangkan.

[16] Persoalan yang timbul dalam rayuan ini ialah sama ada hakim mahkamah sesyen telah gagal menggunakan prinsip-prinsip penghakiman yang betul (lihat *Abu Bakar bin Alif v R* [1953] MLJ 9). Dalam kes *Bhandulananda Jayatilake v Public Prosecutor* [1982] 1 MLJ 83 di ms 84, Mahkamah Persekutuan menyatakan bahawa:

> As this is an appeal against the exercise by the learned judge of a discretion vested in him, *is the sentence so far outside the normal discretionary limits as to enable this court to say that its imposition must have involved an error of law of some description?* I have had occasion to say elsewhere, that the very concept of judicial discretion involves a right to choose between more than one possible course of action upon which there is room for reasonable people to hold differing opinions as to which is to be preferred. That is quite inevitable. Human nature being what it is, different judges applying the same principles at the same time in the same country to similar facts may sometimes reach different conclusions (see *Jamieson v Jamieson*). It is for that reason that some very conscientious judges have thought it their duty to visit particular crimes with exemplary sentences; whilst other equally conscientious have thought it their duty to view the same crime with leniency. Therefore sentences do vary in apparently similar circumstances with the habit of mind of the particular judge. *It is for that reason also that this court had said it again and again that it will not normally interfere with sentences, and the possibility or even the probability, that another court would have imposed a different sentence is not sufficient, per se, to warrant this court's interference.*
>
> *For a discretionary judgment of this kind to be reversed by this court, it must be shown to our satisfaction that the learned judge was embarking on some unauthorised or extraneous or irrelevant exercise of discretion.* (Penekanan ditambah.)

[17] Jadi, persoalannya ialah sama ada hukuman-hukuman yang telah dikenakan dalam kes ini telah terkeluar begitu jauh dari had biasa budi bicara untuk mewajarkan mahkamah ini dalam menjalankan bidang kuasa rayuannya,

memutuskan bahawa pengenaan hukuman-hukuman tersebut semestinya telah melibatkan kesilapan undang-undang. Sayugia diingat bahawa kemungkinan satu mahkamah lain mengenakan hukuman-hukuman yang berbeza dalam kes ini sahaja adalah tidak mencukupi untuk mewajarkan mahkamah ini mengubah hukuman-hukuman tersebut.

[18] Dalam alasan penghakimannya, mengenai hukuman, hakim mahkamah sesyen menyatakan:

> Mahkamah telah menimbangkan rayuan pihak Pendakwa dan rayuan balas OKT. Walaupun OKT tidak punya kesalahan lampau, namun kes ini amat serius dan dipandang berat oleh masyarakat, apatah lagi mangsa di dalam kes ini adalah anak kandung OKT sendiri. Perbuatan merogol anak sendiri memang dipandang jijik dan hina oleh masyarakat, lebih-lebih lagi bagi yang beragama Islam. OKT seorang bapa seharusnya melindungi dan memelihara anaknya dengan cara yang baik. Namun apa yang terjadi adalah disebaliknya. Harapkan pagar, pagar makan padi.
>
> OKT telah memilih untuk memuaskan nafsu kebinatangannya kepada mangsa yang mana tidak berdaya untuk melawan. Lebih tepat lagi, OKT telah memperisterikan anak sendiri sebegitu lama, sehinggalah mangsa tidak tertahan lagi dan hendak membunuh diri. Di sini, Mahkamah memuji kepekaan pihak Sekolah yang telah mengambil berat masalah mangsa dan berjaya membongkar perbuatan buruk OKT.
>
> Bagi kesalahan sebegini, Mahkamah berpendapat satu hukuman yang berat patut dijatuhkan sebagai pengajaran kepada OKT dan juga orang awam yang lain bahawa Mahkamah, sepertimana masyarakat am memandang serius akan kesalahan sebegini.

[19] Dalam rayuannya di hadapan hakim mahkamah sesyen, perayu menyatakan (di ms 106 rekod rayuan):

> Pohon hukuman diringankan, tidak pernah berlaku kejadian — kali pertama — isteri, anak empat orang.

[20] Adalah jelas bahawa walaupun faktor bahawa perayu tidak mempunyai kesalahan lampau ada dalam pertimbangan hakim mahkamah sesyen, terdapat faktor-faktor lain yang mengatasi dan menuntut hukuman yang berat dikenakan. Faktor-faktor yang lain yang akhirnya telah mempengaruhi hukuman yang telah dijatuhkan, ialah seriusnya kesalahan yang telah dilakukan dan faktor kepentingan awam serta tuntutan masyarakat. Pada hemat saya, hakim mahkamah sesyen telah tidak tersilap di dalam membuat pertimbangan sedemikian. Rogol itu sendiri adalah satu kesalahan yang sangat serius dan keji. Ini boleh dilihat dari peruntukan di bawah s 376 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan bahawa kesalahan rogol hendaklah dikenakan hukuman penjara tidak kurang dari lima tahun dan tidak lebih dari 20 tahun. Dalam kes ini, kesalahan-kesalahan rogol itu menjadi lebih serius dan keji lagi kerana dilakukan oleh perayu ke atas anaknya sendiri yang sangat muda umurnya. Perayu, yang telah diamanahkan untuk membesarkan dan mendidik SP10 dengan penuh kasih sayang serta menjadi pelindung kepada SP10, telah mencabuli dan memecahkan amanah tersebut. Perayu yang sepatutnya menjadi pelindung kepada SP10, sebaliknya telah menjadi pemangsa (predator) kepada anaknya sendiri.

Harapkan pagar, pagar makan padi. Harapkan sokong, sokong membawa rebah. Dari keterangan SP10 tentang bagaimana kesalahan-kesalahan rogol tersebut telah dilakukan seperti yang telah dirujuk dalam penghakiman ini, adalah jelas bahawa perayu telah menyalah-gunakan kedudukannya sebagai bapa SP10. Keterangan SP10 membuktikan bahawa perayu tanpa belas kasihan dan tanpa segan silu telah memaksa dirinya ke atas SP10, merogolnya lantas mencabuli serta menghancurkan mahkota kewanitaan anaknya itu.

[21] Betapa seksa dan sengsaranya trauma, tekanan serta penderitaan yang ditanggung oleh SP10 akibat perbuatan terkutuk perayu itu adalah amat jelas dari keterangan SP10 dan juga surat yang ditulis olehnya (eksh P4).

[22] Penderitaan mental yang ditanggung oleh SP10 dan kenangan paling buruk akibat kejadian rogol itu yang sering menghantuinya telah menyebabkan SP10 di satu peringkat terfikir untuk mengambil jalan mudah dengan membunuh diri. Rintihan SP10 ini dapat dilihat dalam eksh P4:

> Ustaz Adnan, sewaktu saya berada di rumah saya derita, terseksa dengan bantuan ustaz saya dapat tinggal di asrama dan dibatalkan tukar sekolah. Selama 2 bulan saya berada di asrama tanpa saya sedari semua penghuni asrama menaruh perasaan benci kepada saya. Mereka menuduh saya sebagai seorang pencuri. Saya rasa sayalah seorang pelajar wanita yang paling malang di dunia. Saya berterima kasih kepada Ustaz Adnan dan Ustazah Sabariah yang saya anggap ayah dan ibu saya yang memahami perasaan dan penderitaan saya. Saya bermohon kepada Ustaz Adnan menukarkan saya ke sekolah lain dengan berbagai cara sekali pun. Saya tidak kira walau pun pengetua sekolah terpaksa mengetahui masalah ini. Saya harap Ustaz Adnan ceritakan kepada nenek saya dan menyatakan kepada nenek saya supaya tidak memberitahu ibu bapa saya dan saudara yang lain. Untuk pengetahuan Ustaz dua tiga hari ini memang terniat di hati saya untuk membebaskan diri saya daripada penderitaan ini dengan membunuh diri. Saya hidup pun bagai satu permainan kepada hidup orang lain. Saya tahu saya tidak sama seperti pelajar wanita yang lain. Ustaz tolonglah hamba Allah yang teramat malang, terseksa dengan nafsu orang lain.

[23] Trauma yang ditanggung oleh SP10 tidak berhenti di situ. Dia terpaksa hadir ke mahkamah untuk memberi keterangan terhadap bapanya sendiri. Berat mata memandang, berat lagi badan memikul. Pada hemat saya walau sekuat mana pun daya ketahanannya, peristiwa yang amat malang dan menyayat hati yang terjadi kepada gadis muda yang telah kehilangan mahkotanya itu, akan terus terpahat menjadi sejarah yang amat hitam yang akan terus menghantui beliau dalam kehidupannya.

[24] Apakah perbuatannya itu mendatangkan kekesalan kepada perayu? Sehingga akhir perbicaraan di mahkamah sesyen, tidak ada sedikit pun tanda kekesalan yang ditunjukkan oleh perayu. Hanya di dalam petisyen rayuannya perayu menyatakan dia telah insaf dan sedar atas kesilapan yang telah dilakukannya dan berjanji dia tidak akan mengulangi perbuatannya. Perayu juga merintih dan merayu supaya hukuman-hukuman yang dikenakan terhadapnya diringankan kerana menurutnya hukuman-hukuman yang dikenakan terhadapnya adalah terlampau berat.

[25] Saya telah menimbangkan kesemua rayuan perayu dalam petisyen rayuannya dan apa yang dirayunya di hadapan saya dalam mahkamah. Saya sedar bahawa hukuman-hukuman penjara yang dikenakan terhadap perayu adalah hukuman penjara maksima yang diperuntukkan di bawah s 376 Kanun Keseksaan. Saya akur bahawa hukuman yang maksima patut dikenakan bagi kesalahan yang paling buruk dalam kategori kesalahan yang berkenaan itu. Dalam *Loh Hock Seng & Anor v Public Prosecutor* [1980] 2 MLJ 13, di ms 14, Mahkamah Persekutuan menyatakan:

> In our view, the prescribing of a maximum penalty in respect of an offence not only marks the limits of the Court's discretionary power as to sentence, it also ordinary prescribes what the penalty should be in the more serious type of cases falling within the relevant class of offences meriting the maximum punishment prescribed.

[26] Perayu juga merayu supaya hukuman-hukuman terhadapnya berjalan serentak. Sehubungan ini dalam kes *Bachik bin Abdul Rahman v Public Prosecutor* [2004] 2 MLJ 534, Mahkamah Rayuan menyatakan:

> The combined effect of s 282 and s 292 is that unless the court imposing a sentence says anything to the contrary, the sentence runs from the date on which it was passed (see *Ooi Sim Yim v PP* [1990] 1 CLJ 435; [1990] 1 CLJ (Rep) 223). The exercise of the discretion to determine the date of commencement of the sentence of imprisonment is dependent on the facts and circumstances of each case. In deciding whether the terms of imprisonment should be consecutive or commence at another date the court will be guided by the one transaction rule and the totality principle. Pursuant to the one transaction rule where two or more offences are committed in the course of a single transaction all sentences in respect of these offences should be concurrent rather than consecutive (see *R v Saleem* [1964] Crim LR 482; *R v Walsh* [1965] Crim LR 248). For there to be one transaction four elements must be present, that is to say, proximity of time, proximity of place, continuity of action and continuity of purpose or design (see *Jayaraman & Ors v PP* [1979] 2 MLJ 88; *Amrita Lal Hazra v Emperor* 42 Cal 957; *Chin Choy v PP* [1955] MLJ 236). The rule, however, is not absolute. As Yong Pung How CJ said in *Kanagasuntharam v PP* [1992] 1 SLR 81 ap p 83:
>
> > The English courts have recognised that there are situations where consecutive sentences are necessary to discourage the type of criminal conduct being punished: see *R v Faulkner* [1972] 56 Cr App R 594, *R v Wheatley* [1983] 5 Cr App R (S) 417 and *R v Skinner* [1986] 8 Cr App R (S) 166. The applicability of the exception is said to depend on the facts of the case and the circumstances of the offence. It is stated in broad and general terms and although it may be criticised as vague, it is necessarily in such terms in order that the sentencer may impose an appropriate sentence in each particular case upon each particular offender at the particular time the case is heard.
>
> In explaining the totality principle his Lordship referred (at p 85) to the view of DA Thomas in *Principles of Sentencing,* 2nd edn ap pp 57–58:
>
> > The many decisions of the court in which the totality principle has been applied to explain the reduction of a cumulative sentence made up of correctly calculated individual parts suggest that the principle has two limbs. A cumulative sentence may offend the

totality principle if the aggregate sentence is substantially above the normal level of sentence for the most serious of sentence not in keeping with his record and prospects.

In this regard reference is also made to *Emmins on Sentencing,* 2nd edn, p 151:

It is well established that sentences must have regard to the total length of sentence passed, particularly where consecutive sentences have been imposed, to ensure that the sentence properly reflects the overall seriousness of the behaviour.

There will be cases properly described as crushing the hope in the offender of reformation and a return to a desirable life but in which the offender has, by his criminal acts, forfeited any right to have his sentence reduced on that account (see *Crowley and Gamer v R* [1991] 55 A Crim R 201). As O" Bryan J said in *Vitos v R* [1981] 4 A Crim R 238 at p 301:

I have some difficulty appreciating the concept that a richly deserved sentence, not manifestly excessive, should be disturbed because the person upon whom the sentence is imposed may feel crushed by it. It is quite true that the applicant has to face a very long term of imprisonment before he will be released and because he is a comparatively young man, many of the best years of his life will be spent in custody. However, from the community point of view, his detention for a very substantial period is necessary to protect females from his criminal behaviour.

Young CJ said in that case that the question of whether the sentence imposed is crushing cannot be answered mathematically by reference to the offender's age and the length of sentence to be served by the circumstances of the case.

[27] Dalam kes di hadapan saya ini kesalahan-kesalahan rogol yang dilakukan oleh perayu adalah dua kesalahan rogol yang berasingan. Walaupun kedua-dua kesalahan tersebut dilakukan di tempat yang sama ke atas mangsa yang sama, kesalahan-kesalahan itu telah dilakukan pada tarikh-tarikh yang berbeza — 25 Mei 2000 dan 27 Ogos 2001. Adalah jelas bahawa kesalahan kedua dilakukan setahun lebih selepas kesalahan pertama dilakukan. Pada hemat saya, hukuman yang dijatuhkan mestilah hukuman yang benar-benar dapat menunjukkan bahawa kedua-dua kesalahan yang telah dilakukan oleh perayu adalah dua kesalahan yang berasingan. Dalam penghakiman saya hanya hukuman secara berturut-turut sahaja yang dapat mencapai hasrat ini.

[28] Saya sedar bahawa hukuman-hukuman yang dijatuhkan terhadap perayu oleh mahkamah sesyen (20 tahun + 20 tahun) secara keseluruhannya akan mendatangkan kesan yang meranapkan (crushing effect) kepada perayu memandangkan umurnya. Tetapi di dalam piring timbangan yang satu lagi yang terletak di neraca keadilan terletak hakikat tentang betapa serius dan kejamnya perbuatan perayu. Dalam piring timbangan tersebut juga terletak kepentingan awam yang mesti dipertimbangkan. Sehubungan ini, saya telah menghuraikan fakta-fakta kes ini yang menunjukkan betapa seriusnya kesalahan-kesalahan yang telah dilakukan oleh perayu. Kanun Keseksaan dan Kanun Acara Jenayah tidak memberikan apa-apa penjelasan tentang perbuatan bagaimana boleh termasuk dalam kategori kesalahan yang paling buruk bagi sesuatu jenis kesalahan itu. Seksyen 376 Kanun Keseksaan hanya menetapkan hukuman penjara minima yang mandatori (lima tahun) dan hukuman maxima 20 tahun. Pada hemat saya soal sama ada sesuatu perbuatan rogol itu adalah

satu contoh kesalahan rogol yang paling buruk boleh dilakukan di bawah s 376 Kanun Keseksaan bergantung kepada fakta-fakta dan keadaan sesuatu kes itu. Dalam hal ini, dalam pengamatan saya, perbuatan perayu merogol anaknya seperti dalam kedua-dua pertuduhan terhadapnya dalam kes ini termasuk dalam golongan kesalahan rogol yang paling buruk di bawah s 376 Kanun Keseksaan. Perlakuan perayu dalam merogol anaknya dalam kes ini adalah perbuatan yang semestinya menimbulkan kemarahan masyarakat. Di samping itu kekerapan berlakunya kesalahan rogol dan sumbang mahram di negara ini di kebelakangan ini adalah suatu perkara yang amat wajar juga dipertimbangkan oleh mahkamah di dalam mempertimbangkan hukuman.

[29] Dalam penghakiman saya, kepentingan awam menuntut supaya hukuman yang memperlihatkan kutukan masyarakat terhadap kesalahan-kesalahan yang tersebut dijatuhkan untuk menjadi amaran yang nyata bahawa sesiapa yang melakukan kesalahan-kesalahan rogol seperti dalam kes ini akan menerima padahnya hukuman yang paling berat menanti mereka.

[30] Kesalahan rogol itu sendiri memanglah satu perbuatan yang amat keji dan terkutuk. Kesalahan itu menjadi lebih buruk lagi kerana ianya telah dilakukan oleh perayu, yang bukanlah seorang muda yang belum berkahwin dan tidak pernah merasakan kenikmatan hubungan suami isteri. Perayu telah berkahwin beberapa tahun dan pada tarikh-tarikh kejadian masih lagi mempunyai isteri — iaitu ibu SP10.

[31] Oleh yang demikian setelah memberikan pertimbangan yang saksama dalam kes ini saya berpuashati bahawa pertimbangan tentang betapa serius dan kejinya kesalahan-kesalahan yang telah dilakukan oleh perayu dalam kes ini, serta kepentingan awam hendaklah mengatasi pertimbangan tentang 'crushing effect' hukuman-hukuman tersebut terhadap perayu. Di dalam kes *Bachik bin Abdul Rahman v PP*, perayu, (yang telah mengaku salah), telah dihukum penjara 18 tahun penjara dan hukuman sebat sebanyak 12 kali oleh mahkamah sesyen bagi satu kesalahan rogol yang telah dilakukannya pada tahun 19 September 2002. Mahkamah sesyen telah memerintahkan supaya hukuman tersebut berjalan secara berturut-turut (consecutively) dengan hukuman penjara 16 tahun bagi kesalahan rogol (yang telah dilakukan pada 14 Oktober 2001), yang sedang dijalani oleh perayu. Mahkamah Tinggi telah meringankan hukuman penjara dari 18 tahun kepada 15 tahun, atas alasan bahawa mahkamah sesyen telah gagal untuk mengambil kira pengakuan salah perayu. Perayu telah mengemukakan rayuan ke Mahkamah Rayuan. Di dalam penghakimannya, Mahkamah Rayuan menyatakan:

> It cannot be denied that the cumulative effect of both the sentences will have a crushing effect on the accused bearing in mind his age. *But this effect must be balanced against the seriousness of the offences committed by the accused and the need to protect young females from him.* (Penekanan ditambah.)

[32] Mahkamah Rayuan menyatakan bahawa oleh kerana mahkamah sesyen telah bertindak dengan wajar dalam menjatuhkan hukuman dalam kes tersebut, Mahkamah Tinggi sepatutnya tidak mengubah hukuman tersebut. Namun begitu oleh kerana Pendakwa Raya Malaysia sendiri tidak mengemukakan apa-apa rayuan dalam kes itu, Mahkamah Rayuan telah tidak mengubah hukuman yang dikenakan oleh Mahkamah Tinggi. Hal ini jelas dari penghakiman Mahkamah Rayuan:

> As the sessions court judge had acted properly in imposing the sentence that he did it ought not to have been disturbed by the High Court.
>
> There was, however, no appeal by the Public Prosecutor against the reduction of the sentence by the High Court. The learned Deputy Public Prosecutor invited us to reinstate the sentence imposed by the sessions court pursuant to s 60 of the Courts of Judicature Act 1964. This is a matter where the Public Prosecutor could have appealed but did not do so. It is our view that in such a situation the exercise of discretion under this provision of law is only appropriate upon sufficient cause being shown for the failure to appeal. This was not done. This, however, does not preclude the court from action of its own motion where it is desirable to do so in the interests of justice. The facts of this case did not warrant such an intervention by us. *In arriving at our decision we took into account the total of the two consecutive jail terms that the accused has to serve in 34 years" imprisonment that the accused would have to serve, if not reduced by three years by the High Court, is certainly not too much bearing in mind the similarity of the system in which both the offences were carried out* we were of the view that the reinstatement of the three years" imprisonment will not make a material difference to the 31 years" imprisonment that the accused already has to serve. Accordingly we declined to accede to the invitation of the learned Deputy Public Prosecutor.
>
> (Penekanan ditambah.)

[33] Dalam *Loh Hock Seng & Anor v PP* yang telah saya rujuk, perayu kedua telah disabitkan dengan kesalahan mengedar dadah berbahaya dan dikenakan hukuman penjara seumur hidup dan 14 kali sebatan. Pada masa yang material hukuman bagi kesalahan mengedar dadah berbahaya di bawah s 39B(2) ialah hukuman mati atau hukuman penjara seumur hidup. Mahkamah Persekutuan telah menolak rayuan perayu kedua terhadap sabitan dan membenarkan rayuan Pendakwa Raya terhadap hukuman dan menggantikan hukuman penjara seumur hidup dengan hukuman mati — iaitu hukuman maksima bagi kesalahan mengedar dadah berbahaya pada masa itu. Dalam penghakimannya, Raja Azlan Shah HB (Malaya) (pada masa itu) menyatakan:

> Sentencing in a criminal case must of course bear relation to the particular circumstances of the offender as well as the particular circumstances of the offence. The legislature has in its wisdom and in the implementation of its plenary powers in this respect enacted the imposition of the alternative penalties of death or imprisonment for life under section 39B of the Ordinance with the option and discretion in this regard to be no doubt judicially and judiciously exercised according to the facts and circumstances of a particular case, and *we can see no reason whatsoever why the statutory enactment of the option for punishment by death cannot and should not be made functionally operative and exercised and applied proprio vigore if the circumstances and facts of the case so warrant justify, require and perhaps even demand.* (Emphasis added.)

[34] Pada hemat saya, pendekatan yang serupa terpakai dalam kes di hadapan saya ini. Tidak ada sebab kenapa hukuman maksima tidak patut dikenakan bagi kesalahan rogol jika fakta-fakta dan keadaan bagi kesalahan ini menuntut hukuman sedemikian dijatuhkan. Dalam penghakiman saya, di dalam kes di hadapan saya ini, berdasarkan kepada alasan-alasan dan pertimbangan yang telah saya huraikan, keadilan menuntut perayu dikenakan hukuman-hukuman yang telah dikenakan oleh mahkamah sesyen. Rayuan perayu ditolak. Hukuman-hukuman yang dijatuhkan oleh mahkamah sesyen dikekalkan.

Rayuan perayu ditolak.

Reported by John Paul Simon